

TAYAMMUM – KAEDAH BERSUCI PENGGANTI WUDHU' DAN MANDI JUNUB

Tayammum adalah merupakan salah satu nikmat yang paling besar yang dianugerahkan hanya kepada umat Muhammad s.a.w.:

"Aku diberi lima kelebihan yang tidak pernah diberikan kepada seorang pun sebelumku. Aku diberikan pertolongan di mana musuh berasa gentar (takut) sebulan sebelum peperangan, seluruh muka bumi dijadikan bagiku sebagai masjid dan alat untuk bersuci. Oleh itu, mana-mana umatku yang menepati waktu solat telah masuk, dia bolehlah terus solat di situ... (Hadis Riwayat Bukhari Dan Muslim)

Tayammumu adalah merupakan bentuk pengabdian diri kepada Allah dengan kaedah-kaedahnya yang tertentu berdasarkan dalil-dalilnya.

Imran bin Hushoin r.a. berkata:

"Kami telah musafir bersama Rasulullah s.a.w. Baginda telah mengimami solat. Setelah selesai solat, baginda melihat seorang lelaki tidak solat bersama. Lalu baginda bertanya: apakah yang menghalangmu daripada solat bersamaku? Jawabnya: Aku sedang berjunub dan tidak menemui air. Baginda bersabda: Gunalah debu tanah, iaitu bertayammum. Ia sudah memadai bagimu." (Hadis Riwayat Bukhari Dan Muslim)

'Amr bin Syu'aib r.a. berkata, ayahnya pernah mendengar dari[pada datuknya bahawa Rasulullah s.a.w. pernah bersabda:

"Bumi ini dijadikan bagiku sebagai masjid (tempat solat) dan alat untuk bersuci jika tiada air. Oleh itu, di mana saja aku mendapati waktu solat telah masuk, aku akan menyapu (bertayammum) dan terus solat." (Hadis Riwayat Bukhari Dan Muslim)

Huzaifah r.a. berkata bahawa Rasulullah s.a.w. pernah bersabda:

"Kita ada tiga kelebihan berbanding umat yang lain, iaitu saf-saf kita kelihatan seperti saf para malaikat, seluruh bumi boleh dijadikan masjid (tempat solat) dan tanahnya boleh dijadikan alat untuk bersuci apabila kita tidak menemui air." (Hadis Riwayat Muslim)

Ammar r.a. berkata:

"Suatu ketika, aku telah berjunub. Kemudian, aku tidak menemui air lalu aku berguling di atas tanah. Seterusnya, aku menunaikan solat. Setelah menemui Nabi s.a.w. aku ceritakan hal itu kepada baginda. Lalu baginda bersabda: Sebenarnya, memadai engkau hanya melakukan begini lalu baginda menepuk tanah dengan kedua-dua belah tapak tangannya serta meniup kedua-duanya. Kemudian, baginda menyapu muka dan tapak tangan hingga ke pergelangan tangannya dengan debu itu." (Hadis Riwayat Bukhari Dan Muslim)

HIKMAH DISYARI'ATKAN BERTAYAMMUM

1 – Menghilangkan Kepayahan Dan Kesulitan

Firman Allah s.w.t.:

"Allah sama sekali tidak ingin menjadikan sebarang kesulitan bagi kamu (dalam mengamalkan agama)." (al-Ma'idah 5: 6)

Ibn Jarir at-Thabari r.h. berkata:

"Maksud ayat di atas ialah Allah tidak ingin menyusahkan kamu terhadap kewajiban berwudhu' setiap kali kamu ingin solat dan mandi junub setiap kali kamu berjunub. Tayammum menggunakan debu tanah yang suci ketika kamu tidak mendapati air supaya tidak menyusahkan kamu, sentiasa beristiqamah mengamalkan syari'at agama walaupun dalam kesempitan supaya kamu tidak sentiasa berada dalam kepayahan." (Rujuk Jami' al-Bayan, jil. 10, m/s. 84-85)

al-Syanqiti r.h. berkata:

"Kalimah (sesutau kepayahan) berbentuk nakirah (umum) pada lafaz pengecualian. Oleh kerana pengecualian berbentuk umum, maka ia merangkumi semua jenis kepayahan." (Rujuk Adwa' al-Bayan, jil. 2, m/s. 36)

2 – Menyucikan Jiwa Manusia

Firman Allah s.w.t.:

"Tetapi Allah ingin menyucikan diri kamu." (Surah al-Ma'idah 5" 6)

Ibn Jarir at-Thabari r.h. berkata:

"Maksud ayat Allah ingin menyucikan diri kamu ialah dengan cara mewajibkan kamu berwudhu' daripada hadas, mandi ketika berjunub dan bertayammum ketika ketiadaan air. Melalui cara itu, ia mampu membersihkan dan menyucikan diri kamu daripada segala dosa." (Rujuk Jami' al-Bayan, jil. 10, m/s. 85)

3 – Sempurnakan nikmat

Firman Allah s.w.t.:

Untuk menyempurnakan nikmat-Nya ke atas kamu supaya kamu bersyukur." (al-Ma'idah 5: 6)

Ibn Jarir at-Thabari r.h. berkata:

"Maksud ayat untuk menyempurnakan nikmat-Nya ke atas kamu ialah (nikmat) kebolehan bertayammum bagi kamu dan menjadikan debu tanah yang suci sebagai alat bersuci. Semua itu sebagai keringanan bagi kamu di samping nikmat-nikmat-Nya yang lain yang dianugerahkan kepada kamu wahai orang-orang yang beriman." (Rujuk Jami' al-Bayan, jil. 10, m/s. 9)

al-Qurtubi r.h. berkata:

"Keringanan yang diberikan kepada kamu untuk bertayammum ialah ketika sakit dan musafir." (Rujuk al-Jami' Li Ahkam al-Qur'an, jil. 6, m/s. 108)

al-Syaukani r.h. berkata:

"Keringanan yang diberikan kepada kamu untuk bertayammum ialah ketika ketiadaan air." (Rujuk Fath al-Qadir, jil. 2, m/s. 28)

SEBAB-SEBAB YANG MEMBOLEHKAN BERTAYAMMUM

1 – Bimbang Dengan Air Boleh Memudharatkan Diri

Firman Allah s.w.t.:

... Dan jika kamu sakit (tidak boleh kena air), atau dalam pelayaran, atau salah seorang dari kamu datang dari tempat buang air, atau kamu sentuh perempuan, sedang kamu tidak mendapat air (untuk berwuduk dan mandi), maka hendaklah kamu bertayammum dengan tanah - debu yang bersih... (al-Ma'idah 5: 6)

Ibn Jarir at-Thabari r.h. berkata:

"Jika anggota badan kamu sakit, cedera, patah atau mengalami sesuatu yang tidak mampu mandi sedangkan ketika itu berada dalam keadaan bermukim bukannya musafir, bertayammumlah menggunakan debu tanah yang suci." (Rujuk Jami' al-Bayan, jil. 8, m/s. 388)

'Amru bin al-'Ash r.a. berkata:

"Aku telah bermimpi (hingga keluar air mani) pada suatu malam yang sejuk ketika berada dalam peperangan Dzat al-Salasil. Aku tidak sanggup mandi kerana jika aku mandi, pasti aku jatuh sakit. Lalu aku bertayammum kemudian terus solat subuh bersama para sahabatku.

Lalu mereka mengadu kepada Nabi s.a.w. Jawab baginda: Wahai 'Amru! Apakah kamu mengerjakan solat bersama sahabat-sahabatmu dalam keadaan berjunub? Lalu aku menceritakan keadaan yang menghalangku daripada mandi junub.

Kemudian aku berkata: Sesungguhnya aku telah mendengar Allah berfirman dalam surah al-Nisa', ayat 29 berbunyi (Janganlah kamu membunuh diri kamu. Sesungguhnya Allah amat Mengasihani kamu semua. Lalu Rasulullah s.a.w. ketawa tetapi baginda tidak berkata apa-apa (sama ada melarang atau menyuruh)." (Hadis Riwayat Bukhari, Ahmad dan Ibn Mundzir, Daruquthni, at-Thabari, dan al-Hakim. Dipersetujui oleh az-zhahabi akan kesahihannya, Ibnu Hajar menyatakan bahawa sanadnya kuat, dan turut disahihkan oleh al-Albani di dalam al-Irwa')

al-Nawawi r.h. berkata:

"Antara pengajaran yang dapat diambil daripada hadis ini ialah pertama, boleh bertayammum bagi sesiapa yang bimbang memudharatkan diri apabila menggunakan air walaupun dia memiliki air. Kedua, boleh orang yang berjunub bertayammum. Ketiga, tidak perlu mengulangi solat bagi musafir sesiapa yang bertayammum ketika musafir." (Rujuk al-Majmu')

Ibn Hajar r.h. berkata:

"Berdasarkan hadis ini, ia menunjukkan bahawa boleh bertayammum bagi sesiapa yang bimbang ditimpa kemudharatan jika menggunakan air sama ada kerana kesejukan dan sebagainya." (Rujuk Fathul Bari, jil. 1, m/s. 454)

2 – Ketiadaan Air

Firman Allah s.w.t.:

"Jika kamu tidak menemui air, kamu hendaklah bertayammum menggunakan debu tanah yang baik (suci) lalu sapulah muka-muka kamu dengan tangan-tangan kamu menggunakannya." (al-Ma'idah 5: 6)

al-Qurtubi r.h. berkata:

"Firman Allah (فلم تجدوا ماء), bermaksud sebab-sebab musafir yang memiliki air tetapi tidak menemui air selain itu antaranya: Jika memiliki air sekalipun, semua air itu atau sebahagiannya akan habis digunakan untuk berwudhu'. Juga bimbang hilang sumbernya, ada seseorang yang memperlukannya, bimbang air yang ditemui sedikit tetapi menjadi minuman binatang ternakan atau binatang buas, waktu solat akan tamat jika berwudhu', menyebabkan dirinya dahaga, dan seumpamanya. Begitu juga, dia tidak dapat memasak untuk memberi tenaga kepada badannya jika menggunakannya kerana air kehabisan (terhad). Atas sebab-sebab di atas, dia boleh bertayammum dan solat dalam keadaan itu." (Rujuk al-Jami' li ahkam al-Qur'an, jil. 3, m/s. 197-198)

Imran bin Hushoin r.a. berkata:

"Rasulullah s.a.w. melihat seorang lelaki tidak solat bersama. Lalu baginda bertanya: apakah yang menghalangimu daripada solat bersamaku? Jawabnya: Aku sedang berjunub dan tidak menemui air. Baginda bersabda: Gunalah debu tanah, iaitu bertayammum. Ia sudah memadai bagimu." (Hadis Riwayat Bukhari Dan Muslim)

Ibn Daqiq al-Id r.h. berkata:

"Maksud (ولاء) ialah ada air, memiliki air, menemui air atau seumpamanya." (Rujuk Ahkam al-Ahkam, jil. 1, m/s. 110)

RUKUN TAYAMMUM

1 - Niat

Firman Allah s.w.t.:

فَتَيَمَّمُوا

al-Sa'di r.h. berkata:

"Wajib berniat tayammum berdasarkan firman Allah di atas. (فَتَيَمَّمُوا) bermaksud berniatlah untuk bertayammum." (Rujuk Taisir al-Karim ar-Rahman, m/s. 186)

Abu Bakar Ibn al-Mundzir r.h. berkata:

“Tidak memadai tayammum atau melakukan sesuatu ibadah yang termasuk dalam kategori fardhu tanpa niat.” (Rujuk al-Ausot, jil. 2, m/s. 36-37)

Umar bin al-Khattab r.a. pernah mendengar Rasulullah s.a.w. bersabda:

“Sesungguhnya setiap apa yang dilakukan hendaklah dimulai dengan niat. Sesungguhnya setiap apa yang dilakukan oleh seseorang dinilai berdasarkan apa yang diniatkan.” (Hadis Riwayat Bukhari Dan Muslim)

2 – Tasmiah (Membaca Basmalah)

“Hukum tasmiah (membaca basmalah) di sini sama hukumnya ketika berwudhu’... ini kerana, tayammum adalah pengganti kepada perbuatan wudhu’. Hukum perbuatan ganti sama hukumnya dengan perbuatan yang diganti.” (Rujuk al-Syarh al-Mumti’, jil. m/s. 347-348)

Menurut Abu Hurairah r.a., Rasulullah s.a.w. telah bersabda:

“Tidak sah solat sesiapa yang tidak berwudhu’ dan tidak sempurna wudhu’ seseorang yang tidak menyebut nama Allah ketika itu.” (Hadis Riwayat Abu Daud, at-Tirmidzi, Ibn Majah, dan Ahmad. Diklasifikasikan sebagai Hasan oleh al-Albani di dalam al-Irwa’)

Al-Son’ani r.h. berkata dalam Subul as-Salam, jil. 1, m/s. 111:

“Sesungguhnya hadis mengenai basmalah diriwayatkan daripada Aisyah, sahl bin Sa’d, Ibn sirah, Ummu sirah, Ali dan Anas. Semua jalan riwayat tidak terlepas daripada kritikan. Namun, semua riwayat itu menguatkan di antara satu sama lain menjadikan statusnya kuat. Oleh itu, Ibn Abi syaibah r.h. berkata: Memang tsabit Nabi s.a.w. berkata begitu.”

as-Syaukani r.h. berkata:

“Hadis ini jelas menunjukkan tidak sah wudhu’ seseorang yang tidak menyebut nama Allah.” (Rujuk ad-Daraari al-Mudhi ah, jil. 1, m/s. 45)

3 – Menepuk Debu Tanah Yang Suci

Firman Allah s.w.t:

فَتَيْمِمُوا صَعِيدًا طَيِّبًا

Maksudnya:

“Oleh itu, berniatlah untuk bertayammum lalu menggunakan debu tanah yang suci.” (al-Ma’idah 5: 6)

Abu Bakar Ibn al-Mundzir r.h. berkata:

“Tidak boleh bertayammum kecuali menggunakan tanah suci berdasarkan firman Allah (فَتَيْمِمُوا صَعِيدًا طَيِّبًا). Al-Qur’an dan Sunnah menunjukkan bahawa tidak boleh

bertayammum kecuali menggunakan tanah dan tidak boleh menggunakan benda lain." (al-Ausot, jil. 2, m/s. 41)

Al-Sa'di r.h. berkata:

"Memadai bertayammum dengan semua benda yang berdebu di atas muka bumi sama ada dari jenis tanah dan sebagainya. Jika mampu menggunakan tanah yang mengandungi debu, itu lebih afdhal. Tidak sah bertayammum dengan tanah yang bernajis. Ini kerana, ia tidak termasuk tanah yang baik, bahkan ia dipanggil tanah yang kotor." (Rujuk Taisir al-Karim ar-Rahman, m/s. 223)

Ibn al-Mulqin r.h. berkata:

"Perkataan as-Sa'd yang diberi maksud tanah adalah mazhab kebanyakan ulama, Tetapi dikatakan juga *soid* bermaksud semua benda berdebu di atas muka bumi." (rujuk I'lam Bi Fawaid 'Umdah al-ahkam, jil. 2, m/s. 120)

4 – Menyapu Muka Kedua-dua Belah Tangan Hingga Ke Pergelangan

Firman Allah s.w.t.:

"Oleh itu, sapulah muka-muka kamu beserta tangan-tangan kamu menggunakan." (al-Ma'idah 5: 6)

'Ammar bin Yasir r.a. berkata:

"Aku telah bertanya Nabi s.a.w. tentang cara bertayammum lalu baginda memerintahkanku menepuk ke tanah sekali tepukan lalu menyapu muka dan tangan hingga ke pergelangan." (Hadis Riwayat abu Daud, al-Tirmidzi, Ahmad, ad-Darimi, Ibn Khuzaimah, dan al-Baihaqi. Al-Albani r.h. mengklasifikasikan hadis ini sebagai sahih dalam Sahih Sunan Abu Daud.

As-Sa'd r.h. berkata:

"Cara menyapu ketika tayammum ialah menyapu muka dan kedua-dua belah tangan sahaja tanpa menyapu anggota-anggota lain." (Rujuk Taisir al-Karim ar-Rahman, m/s. 223)

Tambahnya lagi:

"Kedua-dua belah tangan hanya disapu hingga ke kedua-dua pergelangan sahaja. Ini kerana, kedua-dua tangan secara mutlaknya bermaksud demikian. Sekiranya disyaratkan membuat sapuan sehingga ke siku, pasti Allah telah mengaitkannya dalam ayat sepertimana Dia mengaitkannya (hingga ke siku) bagi perbuatan berwudhu'." (Rujuk Taisir al-Karim ar-Rahman, m/s. 223)

Al-Khatabi r.h. berkata:

"Sebahagian ahli al-'Ilmi berpendapat bahawa tayammum hanya sekali tepukan lalu disapu ke muka dan tangan hingga ke pergelangannya. Inilah pendapat yang dipegang oleh 'Atho bin Abi Rabah, Makhul, al-Azuza'i, Ahmad bin Hanbal, Ishak dan seluruh ulama hadis." (Rujuk Ma'alim al-Sunan, jil. 1, m/s. 86)

Ibn al-Mundzir r.h. berkata:

"Tayammum hanya sekali tepukan lalu disapu ke muka dan tangan hingga ke pergelangannya." (Rujuk al-Ausot, jil. 2, m/s. 50-53)

Syeikh al-Islam Ibn Taimiyah r.h. berkata:

"Sesungguhnya tayammum hanya memadai sekali tepukan berdasarkan hadis sahih yang diriwayatkan oleh 'ammar bin Yasir r.a." (Rujuk al-Fatawa, jil. 21, m/s. 422)

Ibn al-Qayyim r.h. berkata:

"Nabi s.a.w. telah bertayammum hanya sekali tepukan lalu disapu ke muka dan tangan hingga ke pergelangan tangan. Tidak sahih pendapat mengatakan baginda bertayammum dengan dua kali tepukan dan disapu hingga kedua-dua belah sikunya." (Rujuk Zad al-Ma'ad, jil. 1, m/s. 199-200, Subul as-Salam, jil. 195-196 dan as-Syarh al-Mumti', jil. 1, m/s. 350)

PENDAPAT YANG MENGATAKAN DUA KALI TEPUK

Imam syafi'e r.h. berpendapat, apabila bertayammum, seseorang hendaklah menepuk dua kali serta menyapu muka dan kedua-dua belah tangannya hingga ke siku berdasarkan hadis di bawah.

Ibn Umar r.a. berkata:

"Tayammum itu hendaklah dilakukan dengan dua kali tepukan. Sekali tepukan untuk muka dan sekali tepukan untuk kedua-dua belah tangan hingga ke siku." (Hadis Riwayat ad-Daruqutni, al-Hakim, dan al-Baihaqi. Hadis ini diklasifikasikan sebagai dhaif. Ini kerana, terdapat kritikan pada perawi jalur sanad hadis ini, iaitu Ali bin Zhibyan.

Ad-Daruqutni berkata:

"Yahya al-Qattan, Hasyim dan selainnya mensiqahkannya.

Al-Hafiz Ibn Hajar berkata:

"Dia adalah perawi dhaif. Al-Qattan, Ibn Mu'in dan ramai lagi yang mendhaifkannya."

Begitu juga pada jalur sanad lain mengenai dua kali tepuk hingga ke siku, martabatnya dhaif serta tidak terlepas daripada kritikan.

PERKARA-PERKARA YANG MEMBATALKAN TAYAMMUM

1 – Semua perkara yang menyebabkan wudhu' terbatal kerana tayammum ialah pengganti wudhu'.

Abu Bakar Ibn al-Mundzir r.h. berkata:

"Ahli al-'Ilmi berijmak bahawa perkara berkaitan hadas yang membatalkan kesucian orang yang berwudhu' menggunakan air juga membatalkan kesucian orang yang berwudhu' menggunakan debu tanah." (Rujuk al-Ausot, jil. 2, m/s. 59)

Syeikh al-Islam Ibn Taimiyyah r.h. berkata:

“Tayammum sama hukumnya dengan wudhu’. Tidak terbatal tayammum kecuali sesuatu yang membatalkan wudhu’ selagi dia tidak mampu menggunakan air.” (Rujuk al-Fatawa, jil. 21, m/s. 362 dan al-Syarh al-Mumti’, jil. 1, m/s. 341)

2 – Kewujudan air

Menurut Abu Dzar r.a., Rasulullah s.a.w. telah bersabda:

“Sesungguhnya debu tanah yang baik menyucikan seorang muslim jika tidak menemui air walaupun selama sepuluh tahun. Apabila dia telah menemui air, dia hendaklah mengenakan air pada kulitnya, iaitu dengan berwudhu’ kerana perkara itu lebih baik baginya.” (Hadis Riwayat Abu Daud, at-Tirmidzi, an-Nasa’i, Ahmad, Ibn Hibban, dan al-Baihaqi. Al-Haitami r.h. berkata: Perawi hadis ini semuanya rijal yang sahih. Al-Albani r.h. mengklasifikasikan hadis ini sebagai sahih dalam Sahih Sunan Abu Daud)

An-Nawawi r.h. berkata:

“Apabila orang yang berjunub, wanita yang telah habis haidnya, juga wanita yang telah habis darah nifasnya lalu bertayammum kemudian dia mampu menggunakan air, ketika itu dia hendaklah mandi (menggunakan air).” (Rujuk al-Majmu’, jil. 2, m/s. 208 dan as-Syarh al-Mumti’, jil. 1, m/s. 341-343)

Al-Tiibi r.h. berkata:

“Wajib berwudhu’ ketika air ada dan tidak boleh bertayammum.” (Rujuk Syarh al-Tiibi, jil. 2, m/s. 129)

Al-Son’ani r.h. berkata:

“Maksud ungkapan apabila menemui air menunjukkan bahawa jika telah mendapati air, wajib mengenakan air ke kulitnya.” (Rujuk subul as-Salam, jil. 1, m/s. 199)

TEMPOH TAYAMMUM

Menurut Abu Dzar r.a., Rasulullah s.a.w. telah bersabda:

“Sesungguhnya debu tanah yang baik menyucikan seorang muslim jika tidak menemui air walaupun selama sepuluh tahun. Apabila dia telah menemui air, dia hendaklah mengenakan air pada kulitnya, iaitu dengan berwudhu’ kerana perkara itu lebih baik baginya.” (Hadis Riwayat Abu Daud, at-Tirmidzi, an-Nasa’i, Ahmad, Ibn Hibban, dan al-Baihaqi. Al-Haitami r.h. berkata: Perawi hadis ini semuanya rijal yang sahih. Al-Albani r.h. mengklasifikasikan hadis ini sebagai sahih dalam Sahih Sunan Abu Daud)

Ibn Hazm r.h. berkata:

“Orang yang bertayammum boleh melakukan solat dengan tayammum itu mengikut kemahuannya pada semua solat samaada fardhu atau sunat selagi tidak berhadass

atau menemui air." (Rujuk al-Muhalla, jil. 2, m/s. 128 dan al-Qabas li Ibn al-'Arabi, jil. 1, m/s. 177)

Syeikh Ibn 'Uthaimin r.h. berkata:

"Tayammum adalah cara mengangkat hadas (berwudhu'). Ketika itu, seseorang boleh mengerjakan solat fardhu walaupun bertayammum untuk solat sunat. Begitu juga jika seseorang berwudhu' untuk solat sunat, dia boleh mengerjakan solat fardhu dengannya. Dia tidak perlu mengulangi tayammum apabila waktu telah habis selagi tidak terbatal (berhadas)." (Rujuk Majmu'ah Fatawa Wa Rasa'il Ibn 'Uthaimin, jil. 11, m/s. 240 dan ad-Daraari al-Mudhi ah, jil. 1, m/s. 177)

CARA ORANG SAKIT BERSUCI

Syeikh Ibn Uthaimin r.h. berkata:

"Bagi orang sakit, terdapat hukum khusus membahaskan mengenai mereka kerana dalam keadaan itu syari'at Islam memberi keringanan kepada mereka. Ini kerana, Nabi s.a.w. diutuskan dengan agama yang ebrtolak ansur untuk memudahkan bukannya menyusahkan.

Firman Allah s.w.t.:

"Tidak dijadikan hukum-hakam yang menyusahkan kamu semua dalam mengamalkan agama." (al-Hajj 22: 78)

Firman Allah s.w.t.:

"Senarnya Allah inginkan kemudahan dalam semua perkara kepada kamu dan sama sekali tidak ingin menyusahkan kamu." (al-Baqarah 2: 185)

Sabda Rasulullah s.a.w.:

"Agama ini mudah." (Hadis Riwayat Bukhari dalam kitab al-Iman, bab ad-Din Yusrun (39).

Sabda Rasulullah s.a.w.:

"Apabila aku perintahkan sesuatu perkara kepada kamu semua, lakukanlah menurut kemampuan kamu." (Hadis Riwayat Bukhari dan Muslim)

Berpandukan kaedah asas ini, allah memberi keringanan bagi sesiapa yang keuzuran dalam beribadah menurut keuzuran yang mereka alami agar lebih beristiqamah dalam melakukan ibadah tanpa sebarang kepayahan dan kesulitan.

Oleh itu, apabila seseorang ada keuzuran untuk bersuci, caranya ialah:

1 – Orang sakit wajib bersuci menggunakan air. Dia wajib berwudhu' dan mandi junub menggunakan air.

2 – Jika tidak mampu bersuci menggunakan air sebab lemah, bimbang menambahkan sakit atau melambatkan peroses penyembuhan, dia bolehlah bertayammum.

3 – Cara bertayammum ialah menepuk tanah yang suci menggunakan kedua-dua belah tapak tangannya dengan sekali tepukan lalu meniup dan menyapu kedua-dua belah tapak tangan itu ke muka serta kedua-dua belah tangan hingga ke pergelangan.

4 – Jika tidak mampu menyucikan dirinya, orang lain boleh menyucikan atau bertayammum untuknya (membantu mentayammumkan).

5 – Jika sebahagian anggota wudhu' termasuk anggota lain sakit, dia hendaklah berusaha membasuh dengan air. Jika tidak boleh membasuh dengan air, sapulah sekali menggunakan air secepatnya. Jika tidak mampu juga, bertayammumlah atas anggota yang cedera itu sahaja.

6 – Jika anggota wudhu' patah teruk, terbakar dan sebagainya, dia boleh menyapu menggunakan air sebagai ganti kepada basuhan dan tidak perlu bertayammum kerana sapuan sudah menggantikan basuhan.

7 – Boleh bertayammum menggunakan debu dinding atau benda lain yang suci dengan syarat berdebu. Jika dinding yang digunakan untuk bertayammum bukan daripada jenis tanah seperti al-Buyah (lembab) tidak boleh bertayammum dengannya kecuali terdapat padanya debu.

8 – Jika tidak dapat bertayammum menggunakan tanah, dinding, atau sesuatu yang diperbuat daripada tanah, tidak mengapa meletakkan tanah dalam bekas atau kain lap kemudian bertayammum dengannya.

9 – Jika dia telah bertayammum untuk solat dan kekal dalam keadaan bersuci sehingga waktu solat berikutnya, dia boleh melakukan solat dengan tayammum yang pertama tanpa mengulanginya untuk solat kedua. Kerana dia masih kekal dalam keadaan suci serta tiada perkara yang membatalkan kesuciannya.

10 – Wajib orang yang sakit menyucikan badannya daripada najis. Jika tidak mampu, dia boleh solat dalam apa jua keadaan dan solatnya tetap sah dan tidak perlu mengulanginya.

11 – Wajib orang yang sakit mengerjakan solat menggunakan pakaian yang bersih. Jika pakaiannya terkena najis, dia wajib membasuhnya atau menukarkannya dengan pakaian lain yang suci. Jika tidak mampu, dia boleh solat dalam apa jua keadaan. Solatnya tetap sah dan tidak perlu mengulanginya.

12 – Wajib orang yang sakit mengerjakan solat di atas tempat yang bersih. Jika tempat itu terkena najis, dia wajib membasuhnya atau mengalihkannya ke tempat yang suci. Jika tidak mampu, dia boleh solat dalam apa jua keadaan. Solatnya tetap sah dan tidak perlu dia mengulanginya.

13 – Orang yang sakit tidak boleh melewatkan solat dari waktunya hanya disebabkan keuzuran tidak mampu bersuci (berwudu') atau bertayammum. Dia boleh bersuci menurut kemampuannya ketika itu. Kemudian, dia hendaklah melakukan solat tepat pada waktunya walaupun badan, pakaian atau tempat terkena najis sedangkan dia tidak mampu mengelaknya. (Rujuk Majmu' Fatawa wa Rasa'il, Syeikh Muhammad Soleh al-'Uthaimin, jil. 11, m/s. 154-156 dan Risalah Ahkam Solat al-Maridh wa Toharatuhu, syeikh Abdul Aziz bin Baaz, m/s. 4-11)